

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KURIKULUM  
DAERAH BAGAN DATUK**

---

Bil. Mesyuarat : 1 Tahun 2017  
Tarikh : 23 Februari 2017 (Khamis)  
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang  
Tempat : Dewan Kolej Komuniti Bagan Datoh

---

**Hadir**

1. Pegawai Pendidikan Daerah Hilir Perak  
**(Tn. Hj. Sulaiman bin Hj. Samsudin)**
2. Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Hilir Perak  
**(Tn. Hj. Mohd Sahid bin Alias)**
3. Penolong PPD Kurikulum (Kemanusiaan)  
**(En. Norazam bin Mat Isa)**
4. Penolong PPD Menengah  
**(En. Hamdan bin Mat Amin)**
5. Penolong PPD (HEM)  
**(Tn. Hj. Mohamad Suhaimi bin Mansor@Harun)**
6. SI Partner+  
**(Tn. Hj. Abdul Rahim bin Ahmad)**
7. SISC+  
**(En. Sajali bin Mohamad Hashim)**
8. FasiLINUS  
**(En. Abdul Nasser bin Abdul Majeed)**
9. YDP MGB Daerah Hilir Perak  
**(En. Zainal bin Bahari)**
10. YDP MPSM Daerah Hilir Perak  
**(Tn. Mohamed Yusof bin Sharie)**
11. Ketua PTP PKG Daerah Hilir Perak  
**(Pn. Roziaton Nurin bin Mohd Yusof)**
12. Penolong PPD Pendidikan Islam  
**(En. Osmera bin Jalani)**

13. Penolong PPD Teknologi dan Vokasional  
**(En. Sharifuddin bin Ali)**
14. Penolong PPD Sains dan Matematik  
**(En. Mat Sahuri bin Hashim)**
15. Penolong PPD Bahasa Inggeris (Rendah)  
**(En. Muhammad Rafangai bin Bardi)**
16. Penolong PPD Sains dan Matematik (Rendah)  
**(En. Noor Azri bin Mohd Nazaruddin)**
17. Penolong PPD Teknologi dan Vokasional (Rendah)  
**(Pn. Noor Laila binti Ishak)**
18. Penyelia Pendidikan Islam  
**(Pn. Hjh. Tijah binti Shamsuddin)**
19. Semua Pengetua dan Guru Besar  
kecuali yang mewakilkan

**Urus Setia:**

1. Penolong PPD Bahasa  
**(Tn. Hj. Ahmad Faisal bin Zakaria)**
2. Penolong PPD Bahasa Melayu (Rendah)  
**(En. Mohd Faizul Hafiz bin A.Razak)**

## 1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Kolej Komuniti Bagan Datoh kerana memberi kebenaran untuk menggunakan dewan kuliah; menaja makan dan minum mesyuarat pada hari ini.

Makluman

- 1.2 merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua Pengetua dan Guru Besar Daerah Bagan Datuk; YDP MGB; YDP MPSM; Ketua PTP PKG kerana hadir dalam mesyuarat pada hari ini.

Makluman

- 1.3 sebanyak 68 sekolah berada dalam Daerah Bagan Datuk iaitu 58 sekolah rendah dan 10 sekolah menengah.

Makluman

- 1.4 memastikan kontrak kebersihan dan keselamatan disemak dengan betul mengikut perjanjian kontrak. PGB hendaklah bersikap tegas dalam pembayaran kontrak tersebut iaitu membuat pemotongan pembayaran sekiranya melanggar perjanjian kontrak. Selain itu, PGB juga hendaklah memastikan bilangan pekerja dan semua peralatan mengikut perjanjian kontrak.

Tindakan : Pengetua dan Guru Besar

- 1.5 PGB hendaklah menasihati para pelajar berkaitan dengan kumpulan berbasikal. Nasihat tersebut hendaklah sentiasa diberikan kepada para pelajar berkenaan.

Tindakan : Pengetua dan Guru Besar

- 1.6 PGB hendaklah memainkan peranan dalam menjalinkan hubungan dengan PIBG dan LPS supaya tidak ada surat layang ke JPN, PPD atau KPM. PGB hendaklah bertanggungjawab sekiranya ada isu yang berbangkit di sekolah masing-masing.

Tindakan : Pengetua dan Guru Besar

- 1.7 PGB hendaklah memastikan semua guru telah mengemas kini E-Operasi masing-masing termasuklah memuat naik gambar peribadi berukuran passport.

Tindakan : Pengetua dan Guru Besar

- 1.8 PGB hendaklah memastikan kantin sekolah dalam keadaan bersih. Ia berkaitan dengan statistik keracunan makanan di sekolah yang tertinggi di Negeri Perak. Pihak kantin hendaklah membeli alat sukat suhu makanan.

Tindakan : Pengetua dan Guru Besar

- 1.9 mengumumkan PGB baharu di Daerah Bagan Datuk iaitu Pn. Kasmiyati binti Katiman (SMK Seri Muara); Pn. Fauziah binti Abdul Samat (SK Bagan Datoh); Pn. Norzilah binti Mohd Taib (SK Sungai Dulang Dalam).

Makluman

- 1.10 PGB hendaklah sentiasa menyebut GPS sekolah dalam doa harian sekolah. PGB juga hendaklah sentiasa berusaha untuk mencapai GPS sekolah dan GPD.

Tindakan : Pengetua dan Guru Besar

- 1.11 PGB hendaklah sentiasa menggunakan tagline YAB TPM iaitu Bagan Datuk Nombor 1 Di Negeri Perak dan dihebahkan kepada semua.

Tindakan : Pengetua dan Guru Besar

- 1.12 PGB sentiasa memberi perhatian kepada murid-murid yang lain; jangan tertumpu kepada murid-murid kelas peperiksaan sahaja.

Tindakan : Pengetua dan Guru Besar

**2. PEMBENTANGAN HALA TUJU KURIKULUM DAERAH BAGAN DATUK OLEH TUAN PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH HILIR PERAK**

PGB Daerah Bagan Datuk sedia maklum :

- 2.1 Pecahan calon UPSR Daerah Bagan Datuk Tahun 2017 seperti yang berikut : SK (31 sekolah:573 orang); SJKC (11 sekolah:201 orang); SJKT (16 sekolah:173 orang). Bilangan calon UPSR keseluruhan seramai 947 orang.
- 2.2 Penetapan GPD UPSR Bagan Datuk (minima) seperti yang berikut : TOV (3.62); ETR (2.11).
- 2.3 Unjuran GPD UPSR Bagan Datuk (minima) seperti yang berikut : TOV (3.62); OTR1 (3.37); JEX 1 (3.12); OTR 2 (2.87); JEX 2 (2.62); OTR3 (2.37); ETR (2.11).
- 2.4 Unjuran GPD UPSR Bagan Datuk Aliran SK seperti yang berikut : TOV (3.57); OTR1 (3.32); JEX 1 (3.07); OTR 2 (2.82); JEX 2 (2.57); OTR3 (2.32); ETR (2.07).
- 2.5 Unjuran GPD UPSR Bagan Datuk Aliran SJKC seperti yang berikut : TOV (3.71); OTR1 (3.46); JEX 1 (3.21); OTR 2 (2.96); JEX 2 (2.71); OTR3 (2.46); ETR (2.21).
- 2.6 Unjuran GPD UPSR Bagan Datuk Aliran SJKT seperti yang berikut : TOV (3.66); OTR1 (3.41); JEX 1 (3.16); OTR 2 (2.91); JEX 2 (2.66); OTR3 (2.41); ETR (2.12).
- 2.7 Bilangan murid kualiti UPSR seramai 58 orang (6.1%) dan murid kuantiti UPSR seramai 758 orang (80%).

- 2.8 Unjuran GPD SPM Bagan Datuk Tahun 2017 seperti yang berikut : TOV (6.67); ETR (4.45). bilangan calon SPM Daerah Bagan Datuk Tahun 2017 seramai 1167 orang.
- 2.9 Program Peningkatan Akademik UPSR Tahun 2017 adalah Program Jiran Excellent sekolah Rendah 2.0 (JEx 2.0) dan Program Hari Untuk Gemilang (HUG). Manakala untuk SPM pula Program Team Academic Excellent Hilir Perak (TEAch) dan Program Hari Untuk Gemilang (HUG).
- 2.10 menggunakan kepakaran Guru Cemerlang Daerah Bagan Datuk secara optimum. Mereka boleh dijemput pada setiap hari Khamis.
- 2.11 sentiasa peka dengan tarikh-tarikh penting peperiksaan awam Tahun 2017 dan tarikh-tarikh penting berkaitan SAPS.
- 2.12 sentiasa peka dengan pendaftaran atas talian untuk semua peperiksaan awam Tahun 2017. Ia bermula pada 1 hingga 31 Mac 2017.
- 2.13 sentiasa peka dengan tarikh-tarikh penting LINUS 2.0.
- 2.14 sentiasa peka dengan KPI LINUS 2.0.
- 2.15 sentiasa merujuk kepada penilaian sendiri Instrumen Selia Bimbing Komprehensif (ISBK) dalam Program Selia Bimbing Komprehensif (PSBK). Program ini akan berjalan sepanjang tahun ini.
- 2.16 Daerah Bagan Datuk telah menerima peruntukan sebanyak RM 500,000 daripada YAB TPM untuk kelas tambahan, kem motivasi dan lawatan sambil belajar. Kertas kerja tersebut telah disediakan oleh Unit Pengurusan Akademik. Apabila peruntukan ini diturunkan, PGB yang akan melaksanakan mengikut perancangan PPD.
- 2.17 merujuk kepada pelantikan Panitia Sekolah Menengah Daerah Bagan Datuk.

- 2.18 Daerah Hilir Perak masih berada di nombor 1 dalam FROG VLE.
- 2.19 sentiasa peka dengan KPI dan log in FROG VLE.
- 2.20 melaksanakan WLL hingga Julai 2017.
- 2.21 melaksanakan Mind Mapping pada bulan Julai 2017.
- 2.22 melaksanakan EzLearn2U dengan memaklumkan ID dan password kepada guru dan murid-murid; membuat promosi; melaksanakan pemantauan berterusan.

**3. MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KURIKULUM SEKOLAH MENENGAH DAN SEKOLAH RENDAH DAERAH BILANGAN 1 TAHUN 2016**

Setiausaha telah membentangkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Sekolah Rendah Daerah Hilir Perak Bilangan 1 Tahun 2016 tersebut.

Cadangan : Guru Besar SK Sungai Pulau

Sokongan : Guru Besar SK Kampung Baharu Batu 16

Setiausaha telah membentangkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Sekolah Menengah Daerah Hilir Perak bilangan 1 Tahun 2016 tersebut.

Cadangan : Pengetua SMK Rungkup

Sokongan : Pengetua SMK Ulu Bernam

#### **4. PEMBENTANGAN UNIT PENGURUSAN AKADEMIK OLEH KETUA UNIT PENGURUSAN AKADEMIK**

Mesyuarat :

4.1 mengambil maklum :

(a) akan pembentangan oleh En. Norazam bin Mat Isa, Penolong PPD Kurikulum (Kemanusiaan) seperti edaran yang telah dimuat turun oleh Pengetua dan Guru Besar melalui Portal PPD Hilir Perak yang bertarikh 21 Februari 2017 seperti yang berikut :

- i) bahawa pembentangan tersebut untuk memperincikan Pelan Strategik Akademik UPSR dan SPM Daerah Bagan Datuk Tahun 2017.
- ii) ia meliputi pelan jangka panjang; jangka sederhana; jangka pendek UPSR dan SPM.
- iii) meneruskan program sokongan Berimpak tinggi; mengubah suai program berimpak rendah; melaksanakan program sokongan yang baharu.

4.2 bersetuju dengan pembentangan tersebut dan akan membuat tindakan intervensi untuk meningkatkan prestasi pencapaian UPSR dan SPM Daerah Bagan Datuk Tahun 2017.

Tindakan : Pengetua dan Guru Besar



**5. PEMBENTANGAN UNIT PENGURUSAN SEKOLAH OLEH KETUA UNIT PENGURUSAN SEKOLAH (M)**

5.1 En. Mat Hamdan bin Amin, Penolong PPD (M) membentangkan analisa kelulusan pertukaran guru sekolah menengah dan rendah yang berkuat kuasa mulai Januari 2017 :

a) Pertukaran Keluar

Kategori Sekolah	Antara Negeri	Antara Daerah	Dalam Daerah
Menengah	10	5	6
Rendah	5	9	2
SJK(T)	2	2	4
SJK(C)	4	1	3
<b>Jumlah :</b>	<b>21</b>	<b>17</b>	<b>15</b>

a) Pertukaran Masuk

Kategori Sekolah	Antara Negeri	Antara Daerah
Menengah	0	0
Rendah	0	2
SJK(T)	2	0
SJK(C)	3	5
<b>Jumlah :</b>	<b>5</b>	<b>7</b>

- 5.2 En. Mat Hamdan bin Amin, Penolong PPD (M) membentangkan analisa penempatan guru baharu (PPP) Gred DG41 ke sekolah menengah dan rendah daerah ini yang berkuat kuasa mulai :

Kategori Sekolah	Tarikh Kuat kuasa		
	15.8.2016	23.1.2017	1.3.2017
Menengah	33	0	7
Rendah	0	0	0
SJK(T)	0	0	0
SJK(C)	0	3	3
<b>Jumlah :</b>	<b>33</b>	<b>3</b>	<b>10</b>

- 5.3 Semua guru baharu telah melaporkan diri ke sekolah yang telah ditetapkan berdasarkan surat penempatan yang dikeluarkan oleh pihak JPN, Perak.

### Makluman

## 6. HAL-HAL LAIN

Mesyuarat :

### 6.1 Mengambil maklum :

- (a) Akan makluman daripada Tuan Timbalan PPD iaitu :
- i) Kumpulan Karangraf menawarkan perkhidmatan Kadet Wartawan, Kursus Badan Pengarang dan cetakan majalah sekolah dengan harga yang istimewa. PGB boleh mengambil peluang tersebut dengan menghubungi syarikat tersebut.
  - ii) Berdasarkan maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan JPN Perak Bilangan 4/2017 pada 28 Disember 2016, Tuan

Pengarah menekankan bahawa terdapat beberapa kes yang melibatkan perselisihan faham di antara pihak pengurusan sekolah dan PIBG yang disiarkan oleh pihak media. Kerjasama semua pihak dalam menyelesaikan kes-kes ini diharapkan.

- iii) Analisis aduan yang diterima dari bulan

**Tindakan : Pengetua dan Guru Besar**

6.2 Mengambil maklum :

- (b) Akan usul pengisian markah dalam SAPS untuk kelas bukan peperiksaan :
  - i) PGB telah memutuskan semua markah hendaklah diisi dalam SAPS.

**Tindakan : Pengetua dan Guru Besar**

## 7. **PENANGGUHAN MESYUARAT**

Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat kerana sudi hadir kali ini. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11:40 petang.